

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
(INDERA MAHKOTA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 28.10.2015

Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk menyusun strategi kewangan dan struktur cukai yang boleh membantu rakyat, khususnya rakyat berpendapatan rendah dan sederhana di dalam menempuh suasana kenaikan kos hidup yang keterlaluan dan mendadak. Kini rakyat merungut dengan kenaikan kos sara hidup yang berpunca daripada kenaikan harga minyak, kenaikan tarif elektrik, cukai import yang tinggi, kejatuhan nilai ringgit, penurunan pendapatan di atas penurunan harga komoditi eksport dan cukai GST.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha Kerajaan mencapai sebuah negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020, aspek kesejahteraan rakyat tidak ditinggirkan malah turut menjadi agenda nasional. Melalui pelaksanaan dasar ekonomi yang mapan, Kerajaan meneruskan usaha konsolidasi fiskal dan meluaskan asas cukai negara melalui Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) supaya program kesejahteraan rakyat dapat terus dilaksanakan.

2. Bagi meringankan beban kos sara hidup rakyat, Kerajaan telah melaksanakan beberapa strategi bagi meringankan beban kumpulan ini termasuklah:

- a. Pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M)
- b. Pemberian Bantuan Persekolahan sebanyak RM100 kepada setiap pelajar sekolah rendah dan menengah.
- c. Penubuhan Kedai Rakyat 1Malaysia yang menyediakan barangan dengan harga 15% hingga 30% lebih murah daripada harga runcit biasa. Selain itu, melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (PCAP) 2011, Ops Catut dijalankan bagi mengawal kenaikan harga.
- d. Penubuhan Klinik 1Malaysia yang menyediakan akses kepada kemudahan kesihatan yang cepat, selesa dan murah kepada rakyat.

- e. Untuk meningkatkan pendapatan, Kerajaan menyediakan pelbagai latihan keusahawanan, skim pembiayaan dan memudah cara perniagaan kepada individu dan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) menerusi Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), TEKUN , SME Corp, SME Bank, MARA dan lain-lain lagi.
- f. Kerajaan juga sedang melaksanakan pembinaan rumah mampu milik untuk memastikan kesejahteraan rakyat seperti perumahan PR1MA, Program Perumahan Rakyat, Skim Rumah Pertamaku, Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia, Rumah Aspirasi Rakyat, Rumah Idaman Rakyat dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia.
- g. Mengadakan Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) dan Skim Pengurusan Kebolehpasaran Graduan (GEMS). Graduan ini bukan sahaja akan diberi latihan praktikal di tempat kerja, malah mereka juga akan diberi latihan dalam aspek seperti komunikasi, bahasa serta teknologi maklumat dan telekomunikasi (ICT).
- h. Bagi membela nasib nelayan, Kerajaan telah meningkatkan elaun sara hidup bulanan. Manakala untuk membantu pekebun kecil getah dan kelapa sawit, Kerajaan mengadakan beberapa inisiatif seperti Insentif Pengeluaran Getah, Program Tanam Baharu dan Tanam Semula Getah dan

Skim Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil.

3. Bagi memastikan Kerajaan berupaya untuk menyediakan perkhidmatan yang mampu dimanfaatkan oleh semua golongan terutama rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana, Kerajaan perlu mempunyai sumber hasil cukai yang konsisten dan adil. Untuk mencapai tujuan tersebut, strategi percukaian negara adalah untuk meluaskan asas cukai dan mengenakan cukai berdasarkan keupayaan masing-masing. Selaras dengan itu, cukai barang dan perkhidmatan (GST) telah dilaksanakan dan konsep progresiviti telah diguna pakai dalam cukai pendapatan individu dan GST.

4. Di samping itu berikutan pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) pada tahun 2015 dan pengumuman Bajet 2106, Kerajaan berupaya untuk mengurangkan beban cukai kepada rakyat melalui pengurangan cukai pendapatan individu.

Tuan Yang di-Pertua,

Walaupun ekonomi negara berhadapan dengan persekitaran luaran yang mencabar, Kerajaan yakin dengan pendekatan inklusif yang diambil dalam menjayakan matlamat negara maju berpendapatan tinggi, kemajuan dan

kemakmuran negara akan dapat dinikmati oleh rakyat, dan kesejahteraan dan kebajikan isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana turut akan terbela.